

SOALAN NO: 458

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN

SOALAN:

Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja sektor swasta yang diambil tindakan buang kerja dalam tahun 2016 dan 2017 ekoran keadaan ekonomi global yang merudum.

PR-1361-T01763

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, pada tahun 2017 seramai 35,097 pekerja telah diberhentikan. Daripada jumlah tersebut, seramai 31,159 (88.7%) pekerja adalah melibatkan pemberhentian biasa dan 3,938 (11.3%) pekerja adalah pemberhentian secara sukarela (VSS). Berbanding tahun 2016, seramai 37,699 pekerja telah diberhentikan. Dari jumlah tersebut, seramai 22,851(61%) pekerja diberhentikan secara pemberhentian biasa dan 14,848 (39%) pekerja diberhentikan secara sukarela (VSS).

2. Di antara sebab- sebab pihak majikan mengambil tindakan pemberhentian pekerja adalah seperti berikut:

- (i) ketidakstabilan pasaran ekonomi nasional dan global;
- (ii) tiada permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan;
- (iii) pemaksimuman teknologi maklumat dan komunikasi;
- (iv) penutupan perniagaan sepenuhnya/sebahagian;
- (v) pengecilan tenaga kerja;
- (vi) pengambilalihan syarikat;
- (vii) penstrukturan semula organisasi; dan
- (viii) penggabungan syarikat.

3. Berdasarkan laporan bilangan pekerja yang diberhentikan pada tahun 2016 dan 2017 menunjukkan pola yang sama iaitu sekitar 3000

orang pekerja sebulan daripada jumlah keseluruhan pemberhentian pekerja.

4. Berikut adalah tindakan-tindakan yang diambil oleh KSM berhubung isu pemberhentian pekerja:

- (i) Pemantauan melalui peruntukan Undang-undang dan Garis Panduan Pemberhentian Pekerja;
- (ii) memastikan hak-hak pekerja dibayar mengikut undang-undang perburuhan dan pekerja yang terjejas boleh memfailkan kes di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) di bawah Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 sekiranya bentuk penamatan kerja tanpa sebab atau tanpa alasan yang munasabah untuk pemulihan pekerjaan;
- (iii) membantu penempatan semula pekerja-pekerja yang telah diberhentikan;
- (iv) memperluaskan skop dan fungsi bilik gerakan di peringkat negeri dan nasional melibatkan agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia Jawatankuasa Pemberhentian Pekerja yang melibatkan agensi-agensi berkaitan, perwakilan majikan dan pekerja; dan

- 42
- (v) Pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan yang telah bermula pada 1 Januari 2018 yang merupakan program jaringan keselamatan sosial yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu Insurans Pekerjaan (*Employment Insurance - EI*) dan Dasar Pasaran Buruh Aktif (*Active Labour Market Policy - ALMP*). EI membantu pekerja kehilangan pekerjaan dengan menyediakan bantuan kewangan sementara (*temporary income replacement*) semasa mencari pekerjaan baharu. ALMP pula menyediakan bantuan carian pekerjaan (*job search*), penempatan pekerjaan (*job placement*) dan latihan. Bantuan *reskilling* dan *upskilling* membantu pekerja kehilangan pekerjaan memiliki set kemahiran (*skills set*) yang diperlukan oleh industri seterusnya meningkatkan *employability*.

5. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran semasa negara 2016 dan 2017 merekodkan kadar 3.4%. Berdasarkan kadar pengangguran bagi tahun 2000 hingga 2017 kekal di bawah 4% iaitu dalam lingkungan 2.9% hingga 3.7%. Statistik ini menunjukkan negara berada pada tahap guna tenaga penuh atau "*full employment*".